

20/08/2004

Kedah mungkin sukar capai wawasan 2010

By Sabirin Saidin

SAYA tertarik dengan wawasan Kedah Maju 2010, yang dilancarkan tiga tahun lalu. Petunjuk negeri maju yang cuba diusahakan ialah mencapai kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) 15 peratus setahun, angka yang tidak realistik kerana KDNK negara sendiri hanya lima hingga enam peratus setahun.

Keduanya, pendapatan perkapita penduduk AS\$4,000 (RM15,200), juga suatu angka yang tidak praktikal kerana Kedah adalah negeri pertanian.

Petunjuk lain ialah 50 peratus penduduknya menjadi penuntut institusi pengajian tinggi (IPT) dan 35 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan negeri diperuntukkan untuk tujuan teknologi maklumat.

Ketika bajet negeri saban tahun mengalami defisit, mana mungkin 35 peratus daripadanya diperuntukkan untuk tujuan itu.

Demikian juga usaha mewujudkan ekonomi berasaskan pengetahuan dan pekerja bermaklumat, sedangkan jika dibuat tinjauan ribuan tenaga kerja Kedah masih berada pada lapisan bawahan sama ada pekerja di sektor pertanian atau sebagai operator pengeluaran kilang industri di Pulau Pinang.

Persoalannya, apakah Pelan Kedah Maju 2010, suatu cita-cita bertujuan politik, atau mempunyai asas praktikal yang mengambil kira faktor sosioekonomi, latar belakang budaya, sumber, prospek serta keadaan masyarakat di Kedah?

Nampak nyata berdasarkan beberapa petunjuk tadi, Kedah Maju 2010 hanyalah slogan retorik yang tidaklah menggambarkan realiti sebenar mengenai prospek ekonomi dan pembangunan Kedah.

Bukankah lebih sesuai dinamakan Pelan Pembangunan Lima tahun atau Rangka Kemajuan Pembangunan Ekonomi Kedah daripada menjanjikan sesuatu yang mustahil dan tidak realistik.

Amat wajar kepimpinan negeri mendahulukan agenda atau program praktikal ke arah merubah landskap pembangunan di daerah mundur seperti Baling, Pendang, Pokok Sena, Sik dan Padang Terap yang masih kedapatan rumah penduduknya seperti reban ayam.

Harus ada tumpuan terhadap bagaimana mahu menjadikan jenama beras Kedah misalnya atau usaha mencipta 'super brand' seperti 'Kedah Cereals' sebagai bahan komoditi yang boleh mendatangkan pulangan kepada petani di Kedah.

Bukankah saban tahun petani di Kedah akan sentiasa bergelut dengan masalah potongan dan harga padi? Bukankah yang perlu dijayakan adalah 'land reform' bagi memastikan masalah 'kelaparan tanah' bagi petani miskin di Kedah dapat diatasi.

Maksudnya, kerangka rancangan pembangunan ekonomi Kedah perlu kembali ke landasan asal, bukannya mencipta retorik yang akan hanya 'menjejaskan wibawa kepimpinan kerajaan negeri sendiri'.

Bayangkan dengan keadaan dan suasana ekonomi semasa yang antara lain dipengaruhi oleh persekitaran ekonomi dunia apa daya upaya bagi Kedah dengan sumber hasil yang terhad, pelaburan yang kurang memberangsangkan boleh mencapai kadar pertumbuhan KDNK 15 peratus setahun sehingga 2010?

Tempoh masa yang hanya tinggal enam tahun saja lagi adalah umpama 'bom jangka' bagi kerajaan negeri, kerana harus diingat jika ini gagal dicapai, maka dalam pilihan raya umum akan datang iaitu pada 2008 atau 2009, rakyat akan menghukum parti yang memerintah.

Justeru, pelan ini sebenarnya lebih mengundang risiko berbanding manfaat sebenar walaupun ada beberapa kejayaan kecil yang sudah dicapai.

Seharusnya tumpuan diberikan terlebih dulu kepada bagaimana mahu merancang pembangunan setempat, supaya ada keseimbangan pembangunan antara daerah.

Apakah mekanisme terbaik meningkatkan hasil petani yang majoritinya orang Melayu? Apakah sumber ekonomi baru Kedah mempunyai kekuatan yang boleh dibangunkan, seterusnya menguntungkan orang Melayu?

Bagaimana seharusnya peranan anak syarikat atau perbadanan ekonomi negeri dalam merangsang kegiatan ekonomi?

Kepemimpinan negeri juga perlu menumpukan usaha membanteras gejala sosial hasil impak kemiskinan yang dialami Kedah sebagai negeri ketiga termiskin di Malaysia.

Keutamaan juga boleh ditumpukan terhadap membolehkan pelajar di luar bandar beroleh kemudahan pengajaran dan pembelajaran serba lengkap supaya jurang digital, perbezaan kemudahan pembelajaran, tingkat penguasaan bahasa Inggeris misalnya boleh dimajukan.

Justeru, perkara ini lebih praktikal daripada mengemukakan suatu gagasan bersifat klise seperti Kedah Maju 2010. Pelan itu bolehlah dijadikan semangat motivasi sebagai pendorong kepada rakyat bukannya sebagai pelan utama yang praktikal.

Sudah tiba masanya masyarakat di Kedah sama-sama berperanan dengan bantuan media untuk memperkasakan kembali jati diri rakyat negeri ini supaya menjadi rakyat yang lebih berkeperibadian tinggi, besar jasanya dan tidak mustahil Kedah boleh melahirkan 100 orang lagi seperti Almarhum Tunku Abdul Rahman dan Tun Dr Mahathir Mohamad yang banyak memikir, bekerja dan berjuang untuk membangunkan bangsa dan negerinya.

SABIRIN SAIDIN,
Alor Star, Kedah.

(END)